

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah penambahbaikan dan pembaharuan yang telah atau akan dilakukan dalam penjara, lokap di balai polis dan pusat tahanan imigresen demi mengelakkan penyebaran wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Penjara Malaysia, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah mengambil beberapa pendekatan proaktif bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di dalam penjara, lokap dan pusat tahanan selaras dengan keputusan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) COVID-19 bil. 29 tahun 2020 pada 15 Oktober 2020 yang telah bersetuju agar dilaksanakan ujian pengesanan COVID-19 kepada semua banduan dan tahanan semasa kemasukan bagi memastikan penularan COVID-19 di pusat-pusat tersebut dapat dicegah sepenuhnya.

Sebagai langkah pencegahan, Jabatan Penjara Malaysia telah mengeluarkan Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara serta Pelan Kontingensi: Tatacara Mencegah Dan Bertindak Dalam Menghadapi Penularan Wabak COVID-19 Di Dalam Penjara. Jabatan Penjara Malaysia turut mempunyai Perintah Tetap Jabatan berhubung dengan ujian saringan COVID-19, yang mana telah menetapkan agar semua banduan sebelum diterima masuk ke penjara perlu mempunyai keputusan ujian saringan COVID-19.

Selain itu, Jabatan Penjara Malaysia juga mengambil langkah dalam mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk merawat, melaksanakan kuarantin dan mencegah penularan wabak tersebut kepada banduan dan kakitangan.

PDRM juga telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Bil. 12/2020 mengenai Garis Panduan Pengendalian Tahanan semasa Penularan COVID-19 bertarikh 1 April 2020 dan Arahan Pentadbiran Bil. 23/2020 bertarikh 16 Julai 2020 mengenai Garis Panduan Pengendalian Tahanan Pasca Covid-19 bertujuan memberi panduan kepada semua Pegawai Penjaga Lokap, Timbalan Pegawai Penjaga Lokap, Penyelia dan Pengawal Lokap berhubung pengendalian tahanan di lokap semasa penularan wabak

SOALAN NO : 41

Covid-19. Selain itu, ia turut melibatkan carta alir penerimaan tahanan oleh pengawal lokap dan pengendalian tahanan lokap.

Terkini, PDRM sedang mengemaskini SOP lokap dan mempunyai perancangan untuk mengenalpasti satu (1) lokap yang boleh digunakan sebagai lokap transit bagi tujuan saringan untuk setiap daerah. Pihak KDN juga sedang menyelaraskan bersama PDRM bagi penyediaan bajet untuk PPE dan lain-lain keperluan berkaitan Covid-19.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Imigresen Malaysia juga telah mengambil langkah-langkah mengekang penularan wabak COVID-19 di kalangan tahanan dengan mewajibkan saringan COVID-19 ke atas semua tahanan baharu serta melakukan saringan gejala seperti demam, batuk dan selsema telah dilaksanakan secara berkala terhadap semua tahanan oleh Penolong Pegawai Perubatan yang bertugas di Depot Tahanan Imigresen. Tahanan yang mempunyai gejala akan diasingkan dan segera dibawa ke hospital atau klinik terdekat bagi mendapatkan rawatan.

Pihak JIM turut mendapatkan kerjasama daripada Jabatan Penjara Malaysia untuk menggunakan fasiliti penjara dan lain-lain fasiliti bagi tujuan penempatan tahanan imigresen untuk mengelakkan kepadatan yang terlalu tinggi di Depot Tahanan Imigresen sedia ada.

Dari aspek kesihatan tahanan, pihak JIM telah bekerjasama dengan KKM untuk menempatkan 14 orang Penolong Pegawai Perubatan di Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara bagi memberikan rawatan awal kepada tahanan. Klinik kesihatan yang berhampiran juga telah dikenalpasti dan dipilih oleh KKM bagi memperkukuh perkhidmatan kesihatan di Depot Tahanan Imigresen serta berperanan sebagai pusat rujukan oleh Penolong Pegawai Perubatan yang dilantik dan sebagai pembekal keperluan perubatan ke depot-depot. Pemantauan kesihatan secara berkala turut dilakukan oleh KKM ke Depot Tahanan Imigresen dari masa ke semasa.